

## B A B VIII

### K E S I M P U L A N

#### 8.1. Pengenalan

Pembentangan kepada bab sebelumnya telah di huraikan bahawa Pulau Bintan semakin di tingkatkan lagi pembangunannya semenjak tahun 1978. Aktiviti ini semakin menjangkau luas semenjak Keputusan Presiden Republik Indonesia tahun 1984 iaitu meluaskan kawasan pembangunan di pulau-pulau yang ada di luar Pulau Bintan. Objek beserta matlamat yang diinginkan pada hakikatnya untuk menggalakkan pelaburan sama ada Pelaburan Dalam Negara (PMDN) maupun Pelaburan Asing (PA). Selain itu aktiviti yang di buat merupakan suatu upaya untuk menggalakkan dan mengembangkan industri pelancongan. Dalam hubungan tersebut, upaya penyediaan pelbagai keperluan (kemudahan) khasnya untuk menyokong pembinaan tersebut telah sedia ada oleh pihak kerajaan pusat maupun pihak berkuasa tempatan (Local Government). Di antara kewujudan kemudahan yang di sediakan adalah kebebasan visa masuk yang di tujukan kepada warga negara Singapura dan Malaysia (termasuk negara-negara ASEAN) serta kemudahan-kemudahan asas lain untuk kelancaran aktiviti pembangunan ekonomi daerah ini. Prospek Pulau Bintan yang dianggap strategik untuk menyokong laju pertumbuhan ekonomi Nasional, di utamakan kepada pengembangan industri, perniagaan dan pelancongan. Negara Singapura dan Johor Bahru Malaysia yang dekat dan berada di hamparan Pulau Bintan merupakan pelabuhan bebas dalam pelayaran antara bangsa. Ini di ambil kira kerana akan memberi nilai tambah tersendiri kepada

Pulau Bintan. Nilai tersebut adalah perniagaan agar Pulau Bintan serta Bandar Tanjungpinang akan menjadi berkembang. Seterusnya kemajuan yang terjadi di negara Singapura dan Johor Bahru akan menarik serta Pulau Bintan ke dalam bidang perniagaan antara bangsa.

Menilik daripada prospek tersebut, Pulau Bintan dibina agar boleh mengikuti Singapura beserta Johor Bahru, sehingga secara geografi seolah-olah Pulau Bintan sebagai kawasan bayangan daripada negara Singapura. Apakah ini akan wujud kelak sesungguhnya memerlukan kecermatan dan persiapan beserta plan yang handal untuk mengurus itu semua.

## 8.2. Penemuan Kajian

### 8.2.1. Pembandaran

Pulau Bintan semakin hari semakin di kenal khasnya kerana adanya Lagoi sebagai suatu kawasan pelancongan bertaraf antarabangsa dan khas. Pada masa penyelidikan berlaku ada beberapa perkara yang boleh di bentangkan. Hal tersebut manakala disimak berhubung-kait kepada keadaan ekonomi antarabangsa dan kawasan kepulauan masa itu. Penggalakan zon industri dan pelancongan benar-benar membawa makna tersendiri. Pembangunan hotel dan restoran, tempat hiburan serta suasana kehidupan malam merupakan kesempatan untuk memasuki aktiviti bandar.

Selain daripada itu aktiviti yang merupakan mata rantai segi kehidupan komuniti bandar ialah berkembangnya sektor tidak formal. Peniaga keliling, tukang ojek, teksi haram, pemulung (orang yang mengumpulkan barangan terpakai), kedai potong rambut dan kemolekan, *massage* (di Indonesia di panggil panti pijat atau urut) wujud. Hasil penyelidikan secara dalaman daripada beberapa kes boleh di simpulkan bahawa didapati

suatu motto daripada responden iaitu *kalau mau bekerja keras di Bintan, wang boleh dengan mudah di dapat*. Pengakuan seperti ini seramai 88 peratus daripada kes yang di kaji, utamanya kepada responden belia dan perempuan. Pada amnya minda mereka menyimpulkan bahawa kalau perempuan datang ke Pulau Bintan lowongan pekerjaan boleh di dapatkan.

Ciri khas penghijrahan ke bandar Tanjungpinang ialah semakin berkembangnya sektor tidak formal. Hal ini boleh disimak kepada kawasan-kawasan di tepi bandar yang semakin sesak tidak sahaja oleh perumahan yang dibina oleh syarikat tetapi juga rumah kedai dengan bilangan yang semakin ramai. Memasuki tahun 2001 kawasan-kawasan batu 10, 11 dan 12 semakin ramai dan pengangkutanpun semakin berkembang walaupun majoritinya ramai oleh tukang ojek. Pindaan ini selari dengan yang dikatakan oleh pakar penghijrahan di Indonesia iaitu selalu di kaitkan dengan aktiviti ekonomi, di katakan sebagai penyebab penghijrahan.

Setakat ini kawasan bandar Tanjungpinang telah berdiri plaza dan supermarket (mall) serta kawasan yang dibina adalah tanah-tanah pantai dengan cara menimbun tempat tersebut. Sama pula dengan pembinaan perumahan, tanah yang di pakai merupakan kawasan pantai yang di timbun. Kesannya manakala musim hujan selama dua jam sahaja, di pelbagai kawasan terjadi banjir yang cukup dalam. Bilamana keadaan seperti ini tidak di kawal dengan cermat, ertinya pembinaan rumah kedai dan perumahan terus berlanjutan, maka bandar ini akan semakin sesak dan banjir tidak boleh dielakkan.

Hal lain ialah bandar berkembang tetapi ianya tidak memberikan makna dalaman kepada penduduk bandar. Ertinya kemudahan seperti pengangkutan awam, air bersih, elektrik, telekomunikasi, pengurusan sampah dan kawalan parit serta longkang tidak berlaku. Oleh McGee ini yang dikatakan dengan *pseudo urbanization*, ramai bilangan

penduduk tetapi tidak ada kemudahan awam. Kesannya ialah bandar berkembang dengan tiadanya kawalan.

### 8.2.2. Impek Perbandaran dan Marjinalisasi

Merujuk kepada sektor tidak formal berkembang cepat sangat utamanya di kawasan perbandaran. Ini dikeranakan polisi ekonomi yang tidak mengambil kira permintaan kaum ekonomi bawah (golongan miskin) baik di perbandaran maupun di tepi bandar. Oleh itu, polisi ini menimbulkan ketidak merataan dan seterusnya menumbuhkan jurang perbezaan yang semakin jauh dalam hal pendapatan. Jika penghasilan rendah kebolehan untuk memenuhi keperluan asas merupakan persoalan dalam kehidupan masyarakat. Ekorannya ialah mereka harus mencari untuk menambah pendapatan mereka. Caranya iaitu penduduk masuk ke dalam aktiviti ekonomi sektor tidak formal.

Hasil penelitian di Jember Jawa Timur membentangkan bahawa lowongan pekerjaan dan pendapatan di sektor tidak formal sangat berpengaruh kepada guna tenaga di bidang pertanian dan kepada kawasan pedesaan. Kajiannya menemukan bahawa di Jember (Jawa Timur) seramai 69.4 peratus guna tenaga bekerja di sektor tidak formal dan ke semua itu berasal daripada sektor pertanian. Mereka ini sebenarnya merupakan para migran dengan paras pendidikan yang rendah.

Terhadnya lowongan pekerjaan di sektor ekonomi utama (formal), menjadi penyokong utama untuk pindah ataupun mencari lowongan pekerjaan apapun yang di pandang boleh memberi jaminan hidup. Pengaruh tidak langsung daripada polisi pembangunan yang memfokuskan kepada aspek pertumbuhan di perbandaran melalui

pemakaian teknologi moden, secara langsung maupun tidak langsung mempengaruhi lowongan pekerjaan di kawasan pedesaan. Selari itu pula bahawa beban dan aktiviti ekonomi di bandar semakin meningkat sementara di desa sama sekali tidak.

Penghijrahan penduduk ke bandar, khasnya bila konsep pembandaran di pandang daripada sudut penghijrahan ke bandar berimpak kepada perubahan kewujudan bilangan penduduk di bandar raya dengan cepat. Pertambahan penduduk semacam itu di sebabkan oleh latar belakang adanya tekanan ekonomi di kawasan pedesaan. Rendahnya sokongan ekonomi desa menyebabkan rendah kemampuan beli masyarakat. Oleh itu, cara yang di tempuh adalah melakukan penghijrahan ke bandar.

Penyelidikan dalaman yang di lakukan secara kes dalam upaya mengejar maklumat kepada persoalan di atas, boleh dipandang daripada pelbagai sudut. Pindaan berpangkal kepada keadaan yang khas di Pulau Bintan. Sokongan untuk pindah dipandang daripada sudut motivasi boleh di dekati daripada pelbagai cara. Dalam hubungan pengkajian ini di pakai persepsi responden tentang pemahamannya kepada daerah tujuan. Adanya kenalan dan sumber maklumat, merupakan sokongan kuat daripada motivasi. Ketibaan responden ke Pulau Bintan majoritinya atas keinginan sendiri. Alasan yang di ungkapkan mengapa mereka memilih Tanjungpinang bahawa mereka sangat senang walaupun mereka tidak faham benar. Ketibaan responden ke Pulau Bintan majoritinya mencari tempat sendiri dan melalui maklumat daripada kawan. Didapati sembilan kes bahawasanya semasa sampai di Tanjungpinang responden tidur di sebarang tempat, seperti di selasar rumah kedai, menumpang di pondok-pondok kuli binaan, gedung-gedung dan seumpama. Memang ada juga yang di tampung oleh kenalan atau kerabat mereka, namun bilangannya tidaklah ramai.

Semua hal di atas merujuk kepada semakin derasny perkembangan ekonomi di Pulau Bintan, khasnya bandar Tanjungpinang. Pembinaan rumah kedai semakin bertambah dan selari dengan itu kawasan fizikal bandar terus melebar. Keadaan seperti ini di ikuti pula dengan di bukanya gerai makananan dan minuman (Akaw) dan tempat makan minum yang menghadirkan muzik. Secara berangsur-angsur ramai penduduk tempatan menjual tanah mereka kepada pengusaha tempatan dan pindah ke tepi bandar. Mereka memilih kawasan itu kerana mereka boleh membeli rumah dengan kos murah dan dengan membayar angsuran.

### 8.2.3. Pusat-pusat Pelayanan Bandar

Boleh di kata pusat pentadbiran ada di kawasan pusat bandar sebelum bandar Tanjungpinang menjadi Bandar Otonom. Pengaturan polisi pembangunan semasa itu sangat di tentukan oleh Kerajaan pusat (Jakarta) dan pemerintah tempatan hanya mengikut apa-apa yang telah di halakan oleh kerajaan pusat.

Polisi pengadaan telemunikasi untuk keperluan awam di pegang oleh pejabat Telekom (PT.Telkom) dan boleh dikata di laksanakan secara khas (monopoli). Sama pula halnya dengan sumber elektrik (PT.PLN dipanggil Perusahaan Listrik Negara) di pegang secara khas sehingga sama ada telekom maupun sumber tenaga elektrik (PLN) untuk penyediaan bekalan kedua-dua sumber tersebut tidak boleh di ganggu sebarang pemerintah tempatan. Jadi secara khas di atur oleh syarikat yang dipanggil sebagai BUMN (*Badan Usaha Milik Negara*). Kepada kes penyediaan bekalan elektrik keperluannya sangat tergantung kepada syarikat itu. Selama ini PLN terus merugi dan

semenjak Otonomi Pemerintah Tempatan berupaya membantu dengan cara memasukan belanja PLN kedalam APBD (Anggaran Pendapatan dan Belanja Daerah) sama ada pada Pemerintah Provinsi maupun Pemerintah Kabupaten dan Kota.

Berkait rapat dengan semua hal di atas, boleh dikatakan bahawa bekalan elektrik selalu tidak mencukupi untuk keperluan masyarakat. Ini boleh dipandang daripada hidup matinya elektrik, maknanya ialah selain daripada rumah-rumah tertentu (Bupati, Wakil Bupati, Walikota dan Wakil Walikota, dan seumpama) yang tidak pernah padam, lain daripada itu dalam satu minggu 1 sehingga sampai 3 kali padam.

Sementara itu telekomunikasi (seperti talipon) belum semua kawasan yang boleh memanfaatkan perkhidmatan tersebut. Ramai bilangan rumah yang belum dapat memasukan talian talipon dengan alasan sambungan belum mencukupi. Jalan lain yang di tempuh oleh masyarakat ialah berupaya dengan cermat untuk membeli talipon bimbit yang memakai kad berjenis *prepaid*. Menarik untuk disimak semenjak teknologi *mobile phone* di kenal, di tempat-tempat orang ramai seperti Mall, Plaza dan Super Market serta kawasan-kawasan ramai, perkhidmatan talipon awam boleh dikata tidak lagi terpasang, kerana banyak yang rusak. Namun oleh pihak PT. Telkom talipon yang rusak tidak pernah diganti ataupun dibaikkan.

Pengangkutan bandar yang tersedia iaitu teksi tidak memakai meter, bayaran di tentukan oleh pemandu teksi itu sendiri. Tawar menawar soal bayaran merupakan hal yang biasa. Oleh itu, pelancong yang datang melawat ke Bandar Tanjungpinang selalu merasakan bayaran teksi yang mahal. Selari dengan itu, pengangkutan awam seperti bas tidak boleh di dapatkan. Sebagai pengangkutan yang mudah di pakai ialah apa yang dipanggil dengan *ojek iaitu kenderaan motor sikal yang di jadikan pengangkutan*. Wang

yang harus di keluarkan sebagai bayaran (ketika penyelidikan berlaku) jarak dekat di bayar Rp 2,000 kalau agak jauh di bayar Rp 5,000 sehingga Rp 10,000.

Air bersih sangat terhad, oleh masyarakat sangat menggantungkan diri kepada air perigi ataupun air hujan. Bekalan air bersih di pegang oleh PDAM (Perusahaan Daerah Air Minum), lakunya sama dengan PLN iaitu terus rugi dan payah hendak meningkatkan usaha mereka. Sudah menjadi pendapat awam bahawa sama ada elektrik maupun Air Bersih tidak pernah memberikan layanan yang memuaskan bagi semua pengguna, termasuk masyarakat yang mau memanfaatkan air bersih.

Kasihatan didapati dua hospital iaitu yang di panggil RSUD (Rumah Sakit Umum Daerah) dan hospital yang di taja oleh pihak tentera khasnya *TNI Angkatan Laut*. Kedua-dua hospital ini menerima layanan awam dan letaknyapun berdekatan. Layanan kasihatan untuk masyarakat lain di lakukan oleh *Puskesmas* iaitu *Pusat Kasihatan Masyarakat* beserta *Puskesmasu* iaitu *Pusat Kasihatan Masyarakat Pembantu*. Kedua-dua jenis perkhidmatan kasihatan ini wujudnya sangat terhad, maknanya bila ada masyarakat yang sakit bilamana memerlukan rawatan yang lebih baik dia harus pergi ke RSUD ataupun hospital TNI Angkatan Laut. Sebab di Puskesmas sama ada tenaga maupun perlengkapan perubatan yang di miliki sangat terhad.

#### 8.2.4. Dampak Sosial dan Ekonomi Pemandaran

Disadari bahawa majoriti kaum pendatang bukan kerana kerabat keluarga atau kenalan lain daripada daerah asal (kampung), melainkan memang tertarik untuk datang kerana ingin mencari wujud kehidupan baru. Tidak hanya dalam hal aktiviti tetapi juga dalam membantu ekonomi keluarga di kampung atau daerah asal. Ada makna lain yang



di dapati dalam gaya atau style yang khas iaitu boleh melancong ke Singapura ataupun ke Malaysia. Selari dengan itu ramai juga yang berhajat bekerja di negara jiran kerana perbezaan upah yang besar jika di bandingkan dengan negara Indonesia masa kini. Kaum pendatang majoritinya selalu bekerja keras dan selepas bekerja mereka menikmati layanan daripada perkhidmatan yang tersedia (utamanya pusat-pusat kehidupan malam). Memang tidak semua warga masyarakat memiliki ciri seperti yang telah di sebutkan, namun kaum pendatang (migran) selalu berupaya untuk menikmati hiburan lebih wujud.

Imbas daripada payahnya keadaan ekonomi bukan semata-mata hal utama mengapa datang ke Bintan. Maklumat tentang mahalnya upah jika bekerja ke Malaysia dan Singapura membawa erti khas kepada sesiapa di luar Pulau Bintan. Oleh itu, semakin hari guna tenaga yang datang baik secara bersendirian ataupun yang di bawa oleh syarikat yang mengumpulkan guna tenaga masuk ke Pulau Bintan. Mereka duduk di pusat penampungan sementara sambil menunggu masa pemberangkatan mereka. Ramai juga kes yang di jumpai bahawa mereka di janjikan bekerja di Singapura ataupun Malaysia, tetapi sudah berbulan-bulan belum di lepas (bertolak), inilah yang memeramikan kehidupan malam khususnya di Bandar Tanjungpinang.

Majoriti kaum pendatang khususnya perempuan paras pendidikan menamatkan di bawah SMP (Sekolah Menengah Pertama). Ada juga yang menamatkan pendidikan kepada paras SMU (Sekolah Menengah Umum) ke atas namun responden ini bukanlah guna tenaga yang setengah handal ataupun yang handal, kerana responden belum pernah bekerja sebelum datang ke Bintan. Kedatangan responden ke Bintan pemahaman tentang keadaan di daerah tujuan seramai 38.7 peratus menyebutkan tidak banyak faham, 34.1 peratus memberi jawapan faham tentang P. Bintan dan bakinya 27.2 peratus tidak faham

sama sekali. Responden yang datang secara buta khasnya laki-laki seperti inilah yang duduk di sebarang tempat seperti: pondok kuli binaan, lorong-lorong rumah kedai, gedung-gedung serta mesjid.

Dampak sosial yang semakin nyata dirasakan ialah masyarakat di pelbagai kawasan perumahan mulai tidak peduli dengan keadaan tersebut. Di merata-rata tempat ada rumah yang telah di beli oleh orang asing majoritinya dari Negara Singapura, dan di rumah itu tinggal *isterinya*. Orang-orang menyebutkan isteri simpanan dan sekali dalam sebulan *suami* datang menengok. Perkara mereka nikah atau tidak tak banyak di persoalkan oleh penduduk setempat. Selain daripada itu ramai guna tenaga kerja perempuan yang bekerja pada malam hari dan tinggal di bilik-bilik sewa, balik ke rumah di antara pukul 2 sehingga 3 pagi hari. Malam minggu ataupun pada malam-malam cuti balik ke rumah sehingga pukul 4 atau 5 subuh, bunyi motorsikal yang menghantar mereka balik selalu membisingkan di subuh hari, tetapi masyarakat tidak bising seolah-olah sudah biasa.

Masyarakat Bandar Tanjungpinang, Tanjung Uban dan Kijang sudah biasa pergi-balik ke Tanjungpinang. Khasnya Kijang, masyarakat ramai pergi berbelanja ke Bandar Tanjungpinang. Jarak yang tidak begitu jauh boleh dengan selesa dan lancar pergi ke Tanjungpinang. Anak-anak pun ramai sekolah ke Tanjungpinang dan ramai pula yang menikmati hal ehwal kehidupan bandar. Agak berbeza dengan Tanjung Batu jarak ke Tanjungpinang mendekati 100 batu, tetapi kehidupan malam di bandar saiz sedang ini hampir sama dengan Tanjungpinang.

Kesemua hal ehwal di atas, menempatkan bandar Tanjungpinang sebagai tempat pencari lowongan pekerjaan, khasnya kepada guna tenaga perempuan dan laki-laki berumur belia. Kaum pendatang daripada daratan Pulau Sumatera pilihan lain untuk

bekerja ialah berniaga runcit. Majoriti pendatang daripada Sumatera Barat berniaga dengan membuka kedai makan (dikenal dengan panggilan Rumah Makan Padang) dan berniaga runcit di tempat-tempat siar kaki. Di sini lebih di kenal dengan panggilan *Pedagang Kaki Lima (PKL)* dan semakin hari semakin ramai sahaja. Pendatang dari Sumatera Utara pula mereka ramai menempati kawasan-kawasan pelabuhan, basten dan tempat-tempat hiburan malam. Keadaan seperti ini hampir sama dengan pendatang dari Sumatera Selatan dan Flores daripada Nusa Tenggara Timur. Kaum pendatang daripada Pulau Jawa, aktiviti mereka berniaga *bakso*, kedai makan seperti: masakan Jawa, Burung Puyuh, ayam Goreng, *keripik ubi*, *sate Madura* dan seumpama, menjual secara khas kepada kawasan-kawasan tanah lowong.

### 8.3. Implikasi Polisi Mengurus Bandar

Dimaklumkan bahawasanya penyelidikan ini berlangsung ketika perubahan suasana sistem Politik di Indonesia iaitu daripada rezim Orde Baru di bawah Presiden Soeharto yang *Sentralistic* kepada sistem *Desentralisasi*. Bandar Tanjungpinang ketika itu masih dalam status Bandar yang belum Otonom dan di panggil dengan ***Kota Administratif*** walaupun di pimpin oleh seorang *Walikota* namun tidak berkuasa penuh. Makna lain daripada itu ialah semua perbelanjaan Bandar ini masih bergantung kepada Pemerintah Kabupaten Kepulauan Riau dengan Ibu pejabat di Bandar Tanjungpinang.

Mengikut hal di atas, kawasan Bandar Tanjungpinang masih di bawah Pemerintahan Kabupaten Kepulauan Riau. Oleh itu, pengurusan bandar polisinya sangat di pengaruhi oleh Pemerintah Kabupaten. Walau begitu upaya mengurus bandar dengan cermat telah dilakukan oleh Walikota iaitu dengan cara mengatur pengangkutan bandar,

melakukan larangan berniaga di kawasan siar kaki serta tidak memberi kelulusan kepada tempat-tempat hiburan seperti diskotik, karaoke dan massage membuka pada setiap bulan suci Ramadhan. Selari dengan itu juga memberikan notis kepada pihak tempat hiburan agar tidak membenarkan pelajar (anak-anak sekolah) datang ke diskotik.

Upaya mengatur persampahan juga mula di lakukan dengan cara membina tempat-tempat sampah dengan pengangkutan lori. Mengatur talian air agar tidak banjir, namun kerana hak mengeluarkan izin mendirikan bangunan ada kepada Pemerintah Kabupaten, pengaturan bangunan kadangkala tidak selari dengan apa yang semestinya. Di sinilah yang menyebabkan pengurusan bandar selalu menumbuhkan persoalan besar kerana ibarat sebuah kapal ianya di kemudikan oleh dua orang juragan.

Setakat ini persoalan yang khas ialah bahawa bandar yang ada saat ini adalah bandar yang di rancang tidak dengan sebenarnya. Maksudnya perkembangan bandar berlangsung mengikut perkembangan bilangan penduduk. Boleh dikatakan bahawa penyiapan untuk keperluan penduduk bandar berlangsung apa adanya kerana mengurus bandar tidak terkemas dengan semestinya. Walau bandar memiliki *RTRW (Rancangan Tata Ruang Wilayah)* tetapi manakala pembinaan berlangsung berlaku mengikut keperluan semasa. Oleh itu, apa yang ada selalu di kaitkan dengan kebolehan mengurus daripada kaki tangan kerajaan negeri tempatan.

Pengurusan Bandar boleh di lakukan semenjak adanya perubahan sistem politik di Indonesia. Oleh itu, apa yang sedang berlangsung sekarang ini, hakikatnya ialah usaha membaiki sama ada pentadbiran ataupun mengurus bandar secara pengurusan perbandaran.

#### 8.4. Saranan atau Cadangan

Merujuk kepada perkembangan Pulau Bintan khasnya Bandar Tanjungpinang, semestinya Walikota (Dato' Bandar) membina badan perancangan dan pembinaan bandar lebih mempunyai kerjaya. Hal ini di keranakan ramai masyarakat menyebutkan bahawa aktiviti perbandaran tidak boleh di kawal oleh pihak berkuasa tempatan.

Mengemas bandar dengan cara membangkitkan kerjaya semua kaki tangan agar ianya lebih mahir dan handal. Kerana selama ini pentadbiran hanya menunggu apa-apa polisi dan program dari Jakarta dan Provinsi, selepas masa Otonomi di galakkan sama ada perancangan ataupun pengajian hal ehwal mengurus bandar mesti di tingkatkan. Sebab manakala tidak di kerjakan dengan semestinya perkembangan bandar yang terus berlangsung masa kini maka *pemandaran semu (pseudo urbanization)* benar-benar wujud.

Setakat ini boleh di jangka bahawa pentadbiran belum lagi benar-benar memberlakukan kerjaya pusat data dalam kaitannya dengan perancangan dan pengurusan bandar. Oleh itu, apa-apa yang boleh dan apa-apa yang menjadi punca persoalan perbandaran belum lagi di taja secara berterusan. Ini boleh di dapati manakala menelaah pelbagai program pembinaan bandar yang berkenaan. Khasnya kesan kepada perumahan awam, pengangkutan bandar, pusat perbelanjaan serta pengaturan kelayakan boleh ataupun tidak tempat-tempat perniagaan. Lebih daripada itu semua ialah melancarkan pembinaan lebuh raya antar kawasan beserta di kawasan petempatan.

Belum lagi wujud apa yang seharusnya ada kepada bandar iaitu pusat pentadbiran awam, pelbagai maklumat semestinya boleh di letakkan di sini. Setakat ini

maklumat tentang bandar boleh di jumpai di pentadbiran Wali Kota sahaja. Oleh itu, hal-hal berkenaan semestinya wujud.

Pengaturan pengangkutan dan alur pembuangan sampah mustahak di rancang dan di berlakukan. Sampah boleh berserak-serak kemerata-rata tempat dan lubang sampah terbuka tidak ada sumbat. Hal ini menumbuhkan bau busuk dan tidak ada keselesaan. Selain daripada itu ialah pengangkutan awam, kerana dari pelbagai temuan khasnya daripada pelancong, mereka merasakan ganjil ketika menumpang teksi tidak ada meter. Oleh itu, bilangan berapa yang harus di bayar di putuskan oleh pemandu teksi sahaja. Ini jelas menumbuhkan ketidakpercayaan masyarakat khasnya kepada pelancong yang datang ke Tanjungpinang.

Pengaturan keamanan daripada pihak Polis pula harus berlaku dan ada di bawah pengaturan pentadbiran perbandaran. Hal ini di bentangkan supaya kewujudan rasa keselesaan dan kenyamanan kepada semua penduduk bandar, selain daripada orang atau pelancong yang datang ke Tanjungpinang.

Diperlukan polisi yang terkemas dan terkawal dalam satu peraturan yang khas iaitu agar perkembangan perniagaan khasnya di tempat-tempat siar kaki terhad. Sebab di merata-rata tempat tidak ada lagi keselesaan pejalan kaki di pusat-pusat pasar kerana tempat itu (siar kaki) sudah di pakai dan penuh oleh penjaja di atasnya. Oleh itu, diperlukan secepat mungkin untuk memberlakukan aturan agar aktiviti tidak formal dan haram ini segera di tertibkan dan di atur.

Pengguna atau perkhidmatan seperti tandas awam, tempat buangan sampah, keperluan akan air kepada pusat-pusat pasar sangat terhad. Ini menumbuhkan laku lain kepada masyarakat iaitu berbuat sekehendak hati. Bau busuk di sudut-sudut pusat pasar dan pasar awam harus di kawal dan harus dibina dengan cermat.

### 8.5. Cadangan Kajian akan datang

Perihal yang semestinya di kaji secara dalaman di masa hadapan ialah program perancangan yang sinerji antara penyediaan perumahan awam, pengangkutan, talian air bersih, elektrik dan buangan sampah. Dari masa ke semasa perkara sampah, air bersih dan elektrik menjadi persoalan besar kerana belum di kemas dan di kawal secara ketat. Oleh itu, diperlukan sebuah perancangan dan plan yang berterusan untuk mengurus bandar.

Untuk menyikapi perbandaran yang berterusan dan marjinalisasi penduduk tempatan diperlukan polisi khas. Utamanya polisi agar perkembangan dan peningkatan kekerapan penghijrahan ke Bandar Tanjungpinang boleh di kawal. Selain itu perancangan perbandaran ke depan agar ia berlangsung lebih berjaya, diperlukan sinerji dan bersepadunya program dan plan pembinaan perbandaran. Khasnya berkenaan dengan mengawal penghijrahan haram kepada guna tenaga yang akhirnya menumbuhkan sektor tidak formal, kes jenayah dan kehidupan malam yang semakin buta.